Istiadat penghulu luak mengadap menjunjung duli bermula

YANG Dipertuan Besar Negeri Sembilan memukul tabuh sebagai menandakan perisytiharan Istana Lama Seri Menanti sebagai Muzium Diraja Seri Menanti, Kuala Pilah pagi semalam.

SERI MENANTI 14 Julai — Istiadat penghulu-penghulu luak mengadap menjunjung Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus selama tiga hari bermula hari ini di Istana Besar Seri Menanti.

Istiadat tiga tahun sekali itu dimulakan dengan memasang dan menepung tawar alat-alat kebesaran diraja yang terdiri daripada lapan payung kuning, lapan keris panjang, lapan pedang panjang, empat panji-panji (tonggol) kuning, dua panji-panji (tonggol) merah, dua panji-panji (tonggol) hitam dan lapan tombok berambu.

Berangkat

Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan telah berkenan berangkat menyaksikan istiadat tersebut.

Pada hari kedua istiadat tersebut iaitu pagi esok baginda berdua akan berangkat naik takhta rencana berarak ke panca persada bagi istiadat bersiram.

Manakala pada hari ketiga pula Yang Dipertuan Besar dan Tuanku Ampuan akan berangkat bersemayam di atas singgahsana di Balai Rong Seri, Istana Besar Seri Menanti untuk istiadat penghulu luak mengadap menjunjung duli.

Di antara penghulu-penghulu luak yang akan mengadap menjunjung duli itu ialah Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung, Dato' Penghulu Luak Inas, Dato' Penghulu Luak Gemencheh dan Dato' Penghulu Luak Pesaka Air Kuning.

UTUSAN MALAYSIA. 14. 7. 1992.